

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Kes lebih 10,000, Malaysia dalam gelombang Omicron

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kes harian COVID-19 kembali mencecah lebih 10,000 semalam, kali pertama dalam tempoh lebih empat bulan dengan Kementerian Kesihatan mengesahkan Malaysia kini sudah berada dalam gelombang baharu yang dicetuskan oleh varian Omicron.

Perkara itu disahkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin yang turut menjangkakan jumlah kes harian akan terus naik dan mencecah 15,000 tidak lama lagi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pula berkata kes harian COVID-19 berisiko melonjak sehingga lebih

20,000 menjelang akhir bulan depan, sekiranya kadar kebolehan-jangkitan (Rt) virus itu kekal pada 1.2.

Khairy berkata, berikutan serangan Omicron ketika ini, beliau bimbang terhadap sekitar satu juta warga emas yang masih belum mendapatkan dos penggalak, sekali gus berisiko mendapat komplikasi serius jika dijangkiti varian baharu COVID-19 itu.

Sehubungan itu, beliau menggesa orang ramai untuk memaklumkan kepada golongan warga emas dalam keluarga masing-masing untuk segera mendapatkan dos penggalak, bagi melindungi mereka daripada kesan buruk Omicron.

"Kita sudah sepenuhnya dalam gelombang Omicron. Kes akan

mencecah 15,000 tidak lama lagi.

"Masih ada satu juta warga emas yang tiada dos penggalak. Tolong maklum kepada orang-orang tua kesayangan anda untuk mendapat dos penggalak dengan segera," katanya menerusi Twitter, semalam.

Khairy mengulas unjuran model Pemerhatian dan Unjuran Kes Harian SEIR COVID-19 yang dimuat naik Dr Noor Hisham di akaun Twitter miliknya, semalam.

Model SEIR itu mengunjurkan kes harian COVID-19 berisiko melonjak sehingga kembali mencecah 22,000 kes menjelang hujung bulan depan, sekiranya kadar kebolehan-jangkitan (Rt) virus itu kekal pada 1.2.

Bagaimanapun, Dr Noor Hi-

sham yakin tahap keparahan wabak itu dapat dikurangkan walaupun kes bakal melonjak tinggi, berikutan kadar vaksinasi dan dos penggalak yang tinggi.

Beliau memaklumkan nilai Rt di Malaysia kini sudah mencecah 1.2 semalam berbanding 1.13 kelmarin, dengan empat negeri merekodkan nilai Rt melebihi purata kebangsaan.

Data dimuat naik di Twitter Ketua Pengarah Kesihatan itu menunjukkan Perlis mencatat nilai Rt tertinggi semalam dengan 1.49, disusuli Sabah (1.41), Putrajaya (1.29) dan Kedah 1.22, manakala Pulau Pinang dan Sarawak merekodkan 1.17.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Pakar optimis 'mimpi ngeri' tahun lalu tidak berulang

Lonjakan kes tak jejas sistem kesihatan awam disebabkan liputan vaksinasi tinggi ketika ini

Oleh Ahmad Suhail Adnan
ahmad.suhail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pakar epidemiologi dan virologi tempatan, mengunjurkan kes harian COVID-19 akan terus melonjak dalam tempoh dua hingga tiga minggu akan datang, susulan penularan varian Omicron yang semakin dominan di negara ini.

Bagaimanapun, mereka percaya mimpi ngeri pada pertengahan tahun lalu yang menyaksikan hospital dan unit rawatan rapi (ICU) seluruh negara hampir kemuncak, tidak akan berulang, meskipun kes harian melonjak tinggi.

Pakar kesihatan awam (epidemiologi dan biostatistik) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, opti-

mis situasi tahun lalu tidak akan berulang berikutan liputan vaksinasi di Malaysia yang tinggi ketika ini.

Katanya, ia terbukti apabila jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital, ICU dan kes kematian masih dalam pola menurun ketika ini, walaupun jumlah kes harian sudah melonjak sejak lebih dua minggu lalu.

"Secara umum, situasi semasa tidak begitu mencemaskan berbanding ketika gelombang jangkitan Delta tahun lalu serta ketika kita belum ada vaksin COVID-19.

"Kita lihat sekarang tahap keparahan kes COVID-19 dan magnitud bebanan penyakit ini tidak seperti pada 2020 dan tahun lalu, berdasarkan jumlah kes di hospital, ICU dan kematian semasa.

"Namun, kita tidak boleh ambil ringan Omicron kerana kadar kebolehjangkitannya adalah tiga hingga empat kali ganda lebih tinggi daripada Delta dan ini memberi ancaman kepada individu yang belum menerima vaksin.

"Di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, data menunjukkan individu yang belum divaksinasi masih mendapat komplikasi serius dan terdedah pada kematian apa-

bila dijangkiti Omicron," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas lonjakan kes harian COVID-19 kepada lebih 10,000 kes semalam, selepas berlegar sekitar 2,000 hingga 3,000 kes selama lebih lima minggu mulai pertengahan Disember tahun lalu, dipercayai akibat varian Omicron.

Bagaimanapun, lonjakan itu dilihat tidak menjejaskan sistem kesihatan awam setakat ini, apabila kadar penggunaan ICU hospital, kes kematian dan jumlah pesakit COVID-19 yang memerlukan bantuan pernafasan masih dalam pola menurun.

Setakat semalam, 97.9 peratus atau lebih 22.9 juta penduduk berusia 18 tahun ke atas di Malaysia sudah lengkap divaksinasi dengan 52.6 peratus atau lebih 12.3 juta penduduk dewasa sudah menerima dos penggalak.

Selain itu, 88.7 peratus atau lebih 2.79 juta remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula sudah lengkap divaksinasi.

Dr Malina menjangkakan kes harian COVID-19 akan terus melonjak dalam tempoh dua minggu akan datang, sehingga liputan vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak dan dos penggalak masing-masing mencecah sekurang-kurangnya 70 peratus.

Secara umum, situasi semasa tidak begitu mencemaskan berbanding ketika gelombang jangkitan Delta tahun lalu serta ketika kita belum ada vaksin COVID-19



Dr Malina Osman,
Pakar kesihatan awam
(epidemiologi dan biostatistik) UPM

ngan 11 kematian berbanding kes melonjak kepada lebih 9,000 pada Jumaat lalu. Peratusan ini amat rendah," katanya.

Selain faktor vaksinasi yang tinggi, beliau percaya jangkitan semasa tidak separah tahun lalu kerana Omicron lebih cenderung menyerang sistem pernafasan atas seperti tekak dan anak tekak, berbanding paru-paru.

Namun, katanya, dos penggalak masih diperlukan, khususnya bagi meningkatkan kembali tahap tindak balas peneutralan antibodi, yang menurun selepas tiga hingga enam bulan daripada tarikh pengambilan dos kedua vaksin.

"Selain itu, masih ada kemungkinan kemunculan varian baharu sepanjang tempoh pandemik ini, jadi dos penggalak adalah kaedah yang signifikan untuk melindungi kita daripada kesan jangkitan yang teruk," katanya.

10,089 kes baharu tertinggi dalam tempoh 127 hari

Dari Muka 1

Dr Noor Hisham berkata, menjadi tanggungjawab semua orang untuk mematuhi garis panduan kesihatan awam dan sosial yang ditetapkan KKM untuk mengawal peningkatan kes, selain peningkatan liputan vaksinasi dan dos penggalak juga boleh mengurangkan penularan serta menurunkan Rt kepada kurang daripada 1.

Kementerian Kesihatan melaporkan 10,089 kes baharu COVID-19, semalam, menjadikan kes kumulatif kini berjumlah 2,914,220 kes.

Jangkitan baharu yang dilaporkan semalam yang tertinggi dalam 127 hari, kali terakhir mencecah lina angka pada 2 Oktober tahun lalu, iaitu 10,915 kes.

Daripada 10,089 kes baharu semalam, Selangor merekodkan 2,549 kes, diikuti Johor (1,582), Sabah (1,285), Kedah (904), Pahang

(624), Pulau Pinang (542), Kuala Lumpur (491), Kelantan (471), Negeri Sembilan (464), Melaka (457), Perak (321), Terengganu (213), Putrajaya (61), Sarawak (58), Perlis (44) dan Labuan (23).

Pola peningkatan semula kes harian mula dilihat pada 21 Januari lalu dengan 4,046 kes dicatatkan, sebelum melonjak kepada 5,439 kes pada 27 Januari, 7,234 kes pada 4 Februari, 9,117 kes kelmarin dan 10,089 kes semalam.

Setakat 25 Januari lalu, KKM merekodkan 601 kes varian Omicron yang amat mudah berjangkit di negara ini, dengan 579 daripadanya dikategorikan sebagai kes sporadik.

Malaysia kali pertama mengesan kes positif COVID-19 varian Omicron pada 2 Disember lalu, membabitkan pelajar warga asing yang tiba ke Malaysia dari Afrika Selatan melalui Singapura pada 19 November tahun lalu.

Dalam pada itu, data semasa portal COVIDNOW juga menunjukkan kadar vaksinasi yang tinggi mampu mengurangkan risiko pesakit COVID-19 dimasukkan ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU) serta kematian dengan mengambil Sarawak sebagai contoh.


Sarawak yang mencatatkan kadar vaksinasi lengkap hampir 92 peratus bagi individu dewasa berusia 18 tahun ke atas dan hampir 89 peratus bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, terbukti berjaya mengurangkan kes parah disebabkan kadar vaksinasi tinggi.

Negeri itu hanya mencatatkan 42 kes semalam dan tiada lonjakan dalam kes kematian serta kemasukan ke ICU dan pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan.

Malah, sejak 7 Januari lalu, tiada sebarang kes kematian akibat COVID-19 dicatatkan di Sarawak dan hanya seorang pesakit

Kematian mengikut kumpulan umur

Data pada 5 Februari 2022



yang memerlukan bantuan pernafasan ketika ini.

Kemasukan pesakit COVID-19 ke ICU juga terus menunjukkan penurunan dengan hanya empat kes aktif di wad itu ketika ini, dan kadar penggunaan wad bagi pe-

sakit COVID-19 hanya 4.4 peratus.

Setakat semalam, seramai 12,307,360 individu atau 52.6 peratus daripada populasi dewasa di negara ini telah menerima dos penggalak COVID-19.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Omicron punca kes harian melonjak melebihi 10,000

Serangan varian baharu dapat dikurangkan jika dapat dos penggalak

Oleh Ahmad Suhail Adnan
 ahmad.suhail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia secara rasmi sudah berada sepenuhnya dalam gelombang baharu COVID-19 yang dicituskan varian Omicron, dengan kes harian kini melonjak melebihi 10,000 semalam.

Situasi itu diumumkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, yang menjangkakan jumlah kes harian akan terus melonjak dan mencecah 15,000 tidak lama lagi.

Berikutan serangan Omicron ketika ini, beliau meyarakan kebimbangan terhadap kira-kira satu juta warga emas yang belum mendapatkan dos penggalak, sekali gus berisiko mendapatkan komplikasi serius jika dijangkiti varian baharu COVID-19 itu.

Sehubungan itu, beliau mengesakan orang ramai untuk segera memaklumkan kepada golongan warga emas dalam keluarga masing-masing untuk segera mendapatkan dos penggalak, bagi melindungi golongan itu daripada kesan buruk Omicron.

"Kita sudah sepenuhnya dalam gelombang Omicron. Kes akan mencecah 15,000 tidak lama lagi.



Petugas perubatan memberikan suntikan dos penggalak kepada penerima di PPV Offsite Dewan Ang Si Chong, Georgetown. (Foto Daniel Saad/BH)

"Masih ada satu juta warga emas yang tiada dos penggalak. Tolong maklum kepada orang-orang tua kesayangan anda untuk mendapat dos penggalak dengan segera," katanya menerusi Twitter, semalam.

Beliau mengulas unjuran model Pemerhatian dan Unjuran Kes Harian SEIR COVID-19 yang dimuat naik Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, di Twitter.

Model SEIR itu mengunjurkan kes harian COVID-19 berisiko melonjak sehingga kembali mencecah lebih 20,000 kes menjelang hujung bulan depan, sekiranya kadar kebolehanjangkitan (Rt) virus itu kekal pada 1.2.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham yakin tahap parah wabak itu dapat dikurangkan walaupun kes bakal melonjak tinggi, berikutan kadar vaksinasi dan dos penggalak yang tinggi.

Terdahulu, beliau memaklumkan nilai Rt di Malaysia sudah mencecah 1.2 semalam, berbanding 1.13 kelmarin, dengan empat

negeri merekodkan nilai Rt melebihi purata kebangsaan.

Dalam pada itu, data semasa di portal COVIDNOW membuktikan kadar vaksinasi yang tinggi mampu mengurangkan risiko pesakit COVID-19 dimasukkan ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU) serta kematian.

Ketika ini, Sarawak mencatatkan kadar vaksinasi lengkap hampir 92 peratus bagi individu dewasa berusia 18 tahun ke atas dan hampir 89 peratus bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Negeri itu mencatatkan peningkatan kes harian COVID-19 sejak beberapa hari lalu kepada 42 kes semalam, namun tiada lonjakan dalam kes kematian serta kemasukan ke ICU dan pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan.

Sejak 7 Januari lalu, tiada sebarang kes kematian akibat COVID-19 dicatatkan di Sarawak dan hanya seorang pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan ketika ini.

Dua lagi kluster pendidikan dikesan di Negeri Sembilan

Seremban: Dua lagi kluster pendidikan COVID-19 dikesan di Negeri Sembilan membabitkan sekolah menengah di Tampin dan prasekolah di Jempol, dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Kepenggunaan dan Alam Sekitar Negeri Sembilan, S Veerapan, berkata Kluster Jalan Bakti membabitkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abdul Rahman di Tampin, manakala Kluster Taman Seriting Jaya, murid prasekolah di Jempol.

Katanya, seramai 16 pelajar sekolah menengah berkenaan disahkan positif COVID-19.

"Kluster Jalan Bakti itu bermula selepas saringan pelajar bergejala dilakukan terhadap 54 pelajar yang disaring sehingga jam 12 tengah hari kelmarin, sebelum 16 daripada mereka didapati positif COVID-19.

"Kesemua kontak rapat kes juga dikenal pasti dan mereka diberi surat kuarantin wajib," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata, Kluster Taman Seriting Jaya pula dikesan pada Jumaat lalu selepas saringan bergejala terhadap kakitangan di Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika) berkenaan.

Katanya, sebanyak 25 kes positif wabak berkenaan dilaporkan membabitkan enam kakitangan, 12 murid dan tujuh kontak rapat murid, sehingga Jumaat lalu.

"Kesemua kontak rapat kes juga telah diasing dan dikuarantin," katanya.

Sebelum ini, Negeri Sembilan merekodkan seramai 743 pelajar sekolah dan institusi pendidikan positif COVID-19 membabitkan 11 kluster pendidikan di negeri itu sehingga akhir bulan lalu.

Sementara itu di Sarawak, Pengarah Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti

(IHCM) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Profesor Dr David Perera, berkata Omicron kini menggantikan Delta sebagai varian paling dominan di negeri itu.

Beliau berkata, kadar pengesanan 78 peratus Omicron ditemui daripada data pengawasan kes positif yang dijalankan di antara 3 hingga 26 Januari lalu.

Beliau berkata, pengesanan itu adalah hasil ujian terhadap 58 sampel yang diambil dalam tempoh itu.

"Daripada jumlah itu, 45 varian Omicron dikesan, manakala 13 lagi adalah varian Delta VoG. Varian Omicron dikesan dalam sampel diambil di Kuching, Samarahan, Sibul, Kapit, Mukah dan Miri.

"Kadar pengesanan 78 peratus menunjukkan bahawa Omicron kini menggantikan Delta sebagai varian dominan di Sarawak," katanya dalam laporan terbaharu kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Datuk Amar Douglas Ugah Embas, semalam.

Dr David berkata, kebanyakan kes itu dikesan berlaku melalui penularan dalam komuniti.

Berikutan peningkatan semula kes positif COVID-19 di negara ini, beliau yang juga ahli Kumpulan Penasihat Vaksin COVID-19 Sarawak (SCOVAG), menasihatkan orang ramai yang belum menerima dos penggalak supaya mendapatkannya segera.

Ini kerana katanya, kajian menunjukkan dos penggalak perlu untuk meningkatkan penurunan paras antibodi untuk melindungi daripada jangkitan Omicron.

Peningkatan semula kes positif COVID-19 direkodkan di Sarawak kelmarin apabila sebanyak 42 kes dilaporkan, berbanding 22 kes pada hari sebelumnya.

Warga emas perlu segera dapatkan dos penggalak

Kuala Lumpur: Warga emas perlu mendapatkan suntikan dos penggalak secepat mungkin, bagi mengekang risiko kematian yang masih tinggi dalam kalangan usia berkenaan, jika terkena jangkitan varian Omicron COVID-19.

Pakar perubatan keluarga, Dr Amirul Amzar, berkata unjuran peningkatan kes sehingga mencecah 15,000 dalam tempoh terdekat adalah disebabkan keha-

diran varian Omicron.

Melihat pengalaman negara luar menghadapi Omicron, beliau mengakui, bahawa kes komplikasi kesihatan sekiranya dijangkiti varian membimbangkan (VOC) itu kurang teruk berbanding Delta, khususnya mereka yang sudah lengkap vaksin dan menerima dos penggalak.

"Namun, risiko kematian masih tinggi pada warga emas kita. Kalau ada ibu ayah, atau atuk

nenek umur 60 ke atas, tolong bawa mereka dapatkan dos penggalak.

"Dos penggalak melindungi mereka daripada jangkitan serius dan kematian, insya-Allah.

"Kalau tengok graf di covidnow.com, kematian warga emas umur 60 ke atas adalah lebih tinggi daripada golongan lebih muda.

"Jika tengok pulak kematian ikut status vaksinasi, yang sudah terima dos penggalak lagi rendah

risiko kematian. Ini pengamatan berdasarkan data sedia ada.

"Ia menjadi ilmu untuk panduan kita. Bila ada ilmu, kita buat keputusan berasaskan ilmu ini dan berdoa akan kebaikan selepas usaha ini. Inilah konsep tawakal sebenar," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, menjangkakan kes harian COVID-19 bakal mencecah 15,000 tidak lama lagi,

memandangkan Malaysia kini sudah sepenuhnya berdepan dengan gelombang Omicron.

Susulan kebimbangan itu, beliau menyarankan kepada seramai sejuta warga emas yang belum menerima dos penggalak untuk mendapatkan suntikan masing-masing di kemudahan kesihatan berhampiran, bagi mengekang risiko kemasukan ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU).

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

KKM nafi syor warga emas tak undi

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan pihaknya mengeluarkan saranan supaya warga emas tidak keluar mengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Sehubungan itu, kementerian berkenaan berharap orang ramai tidak menyebarkan maklumat

palsu yang dikesan mula tersebar di media sosial baru-baru ini.

"KKM tidak pernah mengeluarkan saranan kesihatan PRN Johor seperti yang disebar di media sosial baru-baru ini.

"Orang ramai diharap tidak menyebarkan maklumat palsu ini," katanya menerusi kenyataan,

semalam.

Menurut tangkap layar menggunakan jata Malaysia dan nama KKM tersebar di aplikasi media sosial, mengenai individu berusia 60 tahun disarankan supaya tidak keluar mengundi bagi mencegah penyebaran COVID-19 kalangan warga emas.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : KOMENTAR

Tingkatkan keyakinan ibu bapa jayakan PICKkids

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
dan Mohd Faizal Kamarudin
bhrencana@bh.com.my

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kepada kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun melalui PICKkids, dibuat berdasarkan senario semasa jangkitan COVID 19 dalam kalangan golongan itu adalah membimbangkan.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan (KKM) membuka pendaftaran kepada ibu bapa dan penjaga untuk mendaftar anak dengan rekod sehingga 1 Februari lalu menunjukkan kira-kira 15 peratus daripada 3.6 juta kanak-kanak seluruh negara layak menerima suntikan vaksin untuk mendaftar. Dibandingkan peraturan mendaftar dengan jumlah kanak-kanak layak, ia boleh dikatakan mungkin sedikit rendah-hingga perlu ditangani segera.

Isu utama perlu diberi perhatian adalah keterbukaan dan kesanggupan ibu bapa atau penjaga memberi kebenaran untuk anak divaksin. Sudah semestinya kegelisahan dan kegusaran ibu bapa serta penjaga adalah kepada isu kesan sampingan vaksin ke atas kanak-kanak.

Sebenarnya, kesan sampingan paling kerap diterima kanak-kanak divaksin berdasarkan pengamal perubatan ialah sakit pada lengan, demam atau keletihan yang turut dirasakan dewasa dan remaja

sebelum ini.

Bagaimanapun, kesan sampingan seperti ini tetap membuatkan ibu bapa dan penjaga menjadi serba salah untuk mendaftar anak kerana bimbang ia bukan hanya sementara tetapi berlarutan dalam jangka panjang hingga menyebabkan tiada pendaftaran atau temujanji dibuat. Mereka lebih mengambil pendekatan tunggu dan lihat hingga betul-betul yakin.

Hakikatnya, ibu bapa atau penjaga kanak-kanak perlu memikirkan apakah kesan kepada kanak-kanak

nak sekiranya tidak divaksin seperti orang dewasa dan remaja. Mereka akan terdedah kepada virus itu dan mudah dijangkiti.

Sudah semestinya kita tidak mahu anak menjadi mangsa COVID-19 kerana masa depan mereka masih jauh. Apatah lagi dengan corak peningkatan daripada kluster pendidikan akhir-akhir ini, sudah semestinya anak amat perlu diberikan vaksin sebagai perlindungan.

Namun, kita harus mengakui penyebaran pelbagai berita palsu berkaitan kesan vaksin ke atas kanak-kanak antara punca kegusaran ibu bapa atau penjaga.

Justeru, Pihak berwajib perlu menyekat dan memastikan tiada penyebaran berita palsu berkaitan vaksin dengan kanak-kanak disebarkan sewenang-wenangnya.

Oleh itu, langkah terbaik dalam merancang lagi PICKkids ini untuk mencapai objektifnya sudah semestinya sokongan dan keyakinan ibu bapa serta penjaga kanak-kanak itu sendiri.

Sekiranya mereka lebih berfikir terbuka dan melihat faedah vaksin berbanding kesan sampingan bersifat sementara sudahnya semestinya PICKkids akan berjaya.

Pada masa sama, kerajaan disyorkan tidak menggunakan pendekatan seperti penguatkuasaan undang-undang sekiranya ia kurang mendapat sambutan, sebaliknya cukup dengan perkongsian maklumat secara komprehensif dalam menarik keterbukaan dan sokongan ibu bapa serta penjaga kanak-kanak.



Hanya 15 peratus daripada 3.6 juta kanak-kanak mendaftar untuk divaksin sehingga 1 Februari lalu.

(Foto hiasan)



Pensyarah
Universiti Teknologi
MARA (UTM)
Puncak Alam

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19

Virus tersebar di majlis kahwin

Warga emas cetus kluster babit dua buah kampung

Kota Kinabalu: Seorang warga emas yang menghadiri majlis perkahwinan di dua buah kampung dalam Daerah Beaufort didapati mencetuskan satu kluster komuniti iaitu Kluster Kampung Weston.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah

Datuk Masidi Manjun berkata, kes indeks merupakan lelaki berusia 66 tahun yang hadir ke majlis perkahwinan di Kampung Lubok dan Kampung Menengah Weston pada 29 dan 30 Januari lepas.

"Kluster jenis komuniti yang melibatkan Daerah

Beaufort dan Penampang dikesan selepas kes indeks bergejala demam, batuk dan sakit badan sejak 30 Januari sebelum disahkan positif Covid-19 pada 3 Februari melalui saringan bergejala di Klinik Kesihatan Penampang," katanya, kelmarin.

Masidi berkata, saringan terhadap 37 kontak rapat mendapati tiga kes kontak serumah dikesan positif menjadikan kumulatif bagi kluster ini adalah 27 kes termasuk 22 kes baharu yang dilaporkan kelmarin dan semua kes diasingkan untuk rawatan selanjutnya.

Omicron kini jadi varian dominan di Sarawak

Kuching: Varian Omicron kini menggantikan Delta sebagai varian Covid-19 paling dominan di Sarawak.

Pengarah Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti (IHCM) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)

Profesor Dr David Perera berkata, kadar pengesanan 78 peratus Omicron ditemui daripada data pengawasan kes positif dijalankan 3 Januari hingga 26 Januari. Beliau berkata, pengesanan itu adalah hasil ujian

terhadap 58 sampel yang diambil dalam tempoh itu.

"Daripada jumlah itu, 45 varian Omicron dikesan manakala 13 lagi adalah varian Delta VoG. Kadar pengesanan 78 peratus menunjukkan Omicron kini

menggantikan Delta sebagai varian dominan," katanya.

Beliau mendedahkan perkara itu dalam laporan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

12,307,360 terima dos penggalak

Kuala Lumpur: Sebanyak 12,307,360 atau 52.6 peratus individu dewasa di negara ini sudah menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data di laman web COVIDNOW, sejumlah 22,929,020 individu atau 97.9 peratus daripada populasi dewasa di Malaysia melengkapkan vaksinasi mereka manakala 99.2 peratus atau 23,222,612 individu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berumur antara 12 dan 17 tahun, sejumlah 2,791,080 individu atau 88.7 peratus daripada kumpulan itu melengkapkan vaksinasi, manakala 2,868,945 individu atau 91.2 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi vaksinasi harian pula, sebanyak 73,328 dos di-



berikan kelmarin meliputi 15,673 dos pertama, 782 sebagai dos kedua dan 56,873 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 63,914,165 dos.

Sementara itu, menurut portal Github Kementerian Kesihatan, 14 kematian akibat Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan lima di Selangor, empat di Sabah, dua di Kuala Lumpur manakala satu kematian direkodkan di Johor, Negeri Sembilan dan Perak.

Jangkitan Covid-19 lempi 10,000 kes

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 terus menunjukkan peningkatan dengan 10,089 kes dilaporkan semalam berbanding 9,117 kes, kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes di Malaysia mencecah 2,914,220 kes setakat ini.

Menurutnya, Selangor merekodkan kes tertinggi dengan 2,549 kes diikuti Johor (1,582 kes), Sabah (1,285 kes), Kedah (904 kes), Pahang (624 kes), Pulau Pinang (542 kes), Kuala Lumpur (491 kes), Kelantan (471 kes), Negeri Sembilan (464 kes) dan Melaka (457 kes).

"Perak pula mencatatkan 321 kes diikuti Terengganu (213 kes), Putrajaya (61 kes), Sarawak (58 kes), Perlis (44 kes) dan Labuan (23 kes)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, gelombang Omicron sudah sampai ke rantau ini dan seperti yang dijangkakan dapat dilihat peningkatan kes di Singapura, Indonesia,

Thailand dan lain-lain.

"Apa yang penting ialah kesiapsiagaan kita iaitu meningkatkan liputan vaksinasi dan pemberian dos penggalak kepada mereka berusia 18 tahun ke atas.

"Kita juga sudah mencapai liputan vaksinasi remaja lebih 90 peratus dan kini kepada kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata, dengan vaksin, kes parah semakin berkurangan dan semalam walaupun angka melebihi 10,000 kes, tahap 4 dan 5 hanya 25 kes.

"Orang ramai disarankan untuk patuh kepada prosedur operasi standard terutama pemakaian pelitup muka dengan betul dan dapatkan dos penggalak.

"Insya-Allah kita akan melalui gelombang Omicron ini tidak seperti sebelum liputan vaksinasi," katanya.

Kali terakhir Malaysia merekodkan kes baharu Covid-19 melebihi paras 10,000 adalah pada tarikh 2 Oktober lalu iaitu 10,915 kes.



MOHD Hareez Mohd Hafni, 37, cuba menenangkan anaknya Ali Imran, 9, semasa menerima suntikan vaksin di PPV Offsite IOI City Tower 1, kelmarin.

Program PICKids Pulau Pinang bermula

Georgetown: Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) di Pulau Pinang bermula hari ini membabitkan mereka yang mempunyai komorbid dan penyakit berisiko tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar negeri Dr Norlela Ariffin berkata, lokasi pemberian vaksinasi bagi golongan itu di bahagian pulau adalah di Hospital Pulau Pinang (HPP) manakala di bahagian Seberang Perai membabitkan Hospital Seberang

Jaya (HSJ).

"Setakat ini, dua hospital ini sahaja yang dikhaskan untuk pemberian vaksin bagi golongan kanak-kanak 5 hingga 12 tahun yang mempunyai komorbid dan berisiko tinggi.

"Bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai penyakit dan bukan komorbid pemberian vaksin akan dilakukan di klinik kesihatan atau sekolah yang ia dibawah pengurusan kesihatan awam," ka-

tanya di sini, semalam.

Katanya, mengikut data jabatan perangkaan mendapati populasi kanak-kanak 5 hingga 11 tahun di Pulau Pinang adalah sebanyak 160,000 orang.

Dalam perkembangan lain, Norlela berkata, terdapat 19 kluster aktif Covid-19 dikesan sehingga semalam ini yang paling banyak adalah membabitkan kluster pendidikan.

"Setakat ini terdapat 12

kluster pendidikan dikesan, (3) sektor perkilangan, (3) tempat kerja dan (1) pusat tahanan selain terdapat satu kluster baharu membabitkan Kem Tentera Sungai Ara di daerah barat daya.

"Bilangan kes positif Covid-19 yang direkodkan pula kebanyakannya adalah membabitkan varian Delta disusuli Omicron dan Beta," katanya.

Situasi Covid-19 di Pulau Pinang kini mencatatkan jumlah kumulatif kes sebanyak 169,852 dengan pertambahan 522 kes baharu kelmarin.

Pemberian vaksin akan dilakukan di klinik kesihatan atau sekolah
Dr Norlela

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : COVID-19

Hospital USM buka zon Ili, Sari

Kota Bharu: Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) mewujudkan zon tambahan iaitu zon *Influenza Like Illness* (Ili) dan *Severe Acute Respiratory Illness* (Sari) bagi rawatan masalah saluran pernafasan untuk mengurangkan risiko penularan Covid-19.

Pakar Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma Hospital USM Dr Ariff Arithra Abdullah berkata, jabatan kecemasan boleh dianggap sebagai lokaliti utama memberi rawatan awal kepada pesakit bagi kes kecemasan sebelum dipindahkan ke bahagian lain.

Katanya, jabatan itu berfungsi memberi rawatan kecemasan kepada pesakit dari kaunter triage bagi menentukan kemasukan ke zon merah, kuning atau hijau.

"Disebabkan negara masih bergelut dengan pandemik Covid-19, maka

Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital USM mengambil langkah mewujudkan zon tambahan iaitu zon Ili dan Sari.

"Zon Ili diwujudkan untuk merawat kes jangkitan saluran pernafasan yang tidak kritikal manakala zon Sari bagi kes separa kritikal dan kritikal," katanya dalam kenyataan di sini.

Katanya, beban tugas meskipun bertambah sejak penularan Covid-19, namun ia tidak pernah melunturkan semangat paramedik untuk memberi perawatan terbaik kepada pesakit.

"Bagi memastikan tidak ada pesakit terdedah kepada jangkitan Covid-19 semasa menerima rawatan di jabatan kecemasan, kami berpesan supaya perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Semua petugas juga perlu sentiasa memakai pemakaian kelengkapan perlindungan peribadi (PPE)," katanya.

Zon Ili
diwujudkan untuk
rawat kes jangkitan
saluran pernafasan
tidak kritikal

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Dua lagi kluster pendidikan terdeteksi di N. Sembilan

SEREMBAN – Dua lagi kluster pendidikan dikesan di negeri ini membabitkan sebuah sekolah menengah di Tampin dan prasekolah di Jempol menjadikan keseluruhan 22 kluster masih belum diisytiharkan tamat di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S. Veerapan berkata, dua kluster itu ialah Kluster Jalan Bakti di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Abdul Rahman di Gemas (Tampin) dan Kluster Taman Setting Jaya membabitkan sebuah prasekolah di Jempol.

Menurutnya, bagi Kluster Jalan Bakti, ia bermula dengan saringan pelajar bergejala dan

sehingga 12 tengah hari semalam, seramai 54 pelajar telah disaring.

"Sebanyak 16 pelajar dikesan positif, manakala baki 38 pelajar lagi negatif. Kesemua kontak rapat kes telah dikenal pasti dan telah menjalani saringan dan mereka telah diberi surat kuarantin wajib."

"Proses disinfeksi sekolah telah dijalankan bagi tujuan keselamatan pelajar serta warga sekolah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Veerapan berkata, bagi Kluster Taman Setting Jaya, ia dilaporkan kelmarin melibatkan tadika di daerah Jempol.

Menurut beliau, kluster berkenaan bermula dengan saringan bergejala kakitangan di tadika

tersebut.

"Sehingga kelmarin, sebanyak 25 kes positif telah dilaporkan dalam kluster ini iaitu enam orang kakitangan, 12 pelajar dan tujuh kontak rapat pelajar."

"Kesemua kontak rapat kes telah diasing dan dikuarantin," katanya.

Pada akhir bulan lalu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, kluster pendidikan terus mendominasi penularan Covid-19 di negara ini.

Katanya, daripada 106 kluster yang dikesan bagi tempoh minggu epidemiologi ke empat yang bermula dari 23 sehingga 29 Januari, 81 atau 76.4 peratus adalah kluster pendidikan.



PAKAR-PAKAR kesihatan menyarankan hanya pelajar kelas peperiksaan yang perlu hadir ke sekolah bagi mengekang penularan Covid-19.
— GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA

Jangkaan dibuat berdasarkan kadar kebolehjangkitan kes Covid-19 semasa

Kes harian cecah 22,000 akhir Mac



ORANG ramai diminta supaya mematuhi SOP yang ditetapkan dalam usaha mengekang penularan jangkitan Covid-19.

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan kes jangkitan Covid-19 boleh mencecah sehingga 22,000 sehari menjelang akhir Mac ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jangkaan itu dibuat adalah berdasarkan kadar kebolehjangkitan (Rt) atau R-naught (Ro) 1.2 yang dicatatkan kelmarin.

Jangkitan Covid-19 dijangka mencecah angka 22,000 pada hujung Mac sekiranya Rt kekal 1.2.

Bellau meminta orang ramai supaya mengambil langkah berjaga-jaga dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh KKM.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mematuhi se-

mua langkah kesihatan dan sosial serta meningkatkan liputan vaksinasi serta dos penggalak bagi mengurangkan jangkitan dan menurunkan nilai Rt kurang daripada satu," katanya menerusi ciapan di Twitter semalam.

Nilai Rt yang tertinggi ketika ini dilaporkan di Perlis iaitu 1.49 diikuti Sabah 1.41 dan Putrajaya (1.29) dan Kedah (1.22).

Selangor pula merekodkan nilai Rt iaitu 1.19, Pulau Pinang (1.17), Johor (1.16), Kelantan (1.08), Melaka (1.11), Kuala Lumpur (1.12), Negeri Sembilan (1.10), Pahang (1.14), Perak (1.10), Terengganu (1.13) dan Sarawak (1.17).

Selain itu, kes harian Covid-19 di negara ini dilaporkan meningkat kepada lima angka apabila mencatatkan sebanyak 10,069 kes semalam menjadikan jumlah

keseluruhan sebanyak 2,914,220 yang dijangkiti wabak tersebut.

Selangor mencatatkan angka tertinggi iaitu sebanyak 2,549 kes diikuti Johor (1,582 kes) dan Sabah (1,285 kes).

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan, Malaysia kini sudah sepenuhnya berdepan dengan gelombang varian Omicron.

"Masih ada sejuta warga emas yang tiada dos penggalak. Tolong maklum kepada orang tua kesayangan anda untuk mendapat dos penggalak dengan segera.

"Dengan dos penggalak, perlindungan anda daripada gejala serius yang boleh menyebabkan kemasukan ke hospital atau unit rawatan rapi lebih baik," katanya menerusi Twitter semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes baharu Covid-19 lebih 10,000

Kali terakhir Malaysia merekodkan kes melebihi paras 10,000 adalah pada 2 Oktober lepas

KUALA LUMPUR

Kes baharu Covid-19 dalam negara hari ini melebihi 10,000 dengan 10,089 kes dilaporkan setakat 12 tengah hari, menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 meningkat kepada 2,914,220, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham.

Daripada 10,089 kes harian yang dilaporkan:

- 77 kes (0.76 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5 dan
- 10,012 kes (99.24 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.
- Kategori 1: 2,482 kes (24.6%)
- Kategori 2: 7,530 kes (74.64%)
- Kategori 3: 52 kes (0.51%)
- Kategori 4: 17 kes (0.17%)
- Kategori 5: 8 kes (0.08%)

Kali terakhir Malaysia merekodkan kes baharu Covid-19 melebihi paras 10,000 adalah pada 2 Oktober lepas iaitu 10,915 kes.

Dr Noor Hisham menerusi Twitter rasmi beliau berkata 99.24 peratus atau 10,012 kes baharu adalah dalam kategori satu dan dua, manakala 77 kes lagi atau 0.76 peratus berada dalam kategori tiga, empat serta lima.

Beliau berkata, Selangor merekodkan jumlah tertinggi kes positif iaitu 2,549 kes, diikuti Johor (1,582), Sabah (1,285), Kedah (904) dan Pahang (624).

Ita diikuti Pulau Pinang (542), Kuala Lumpur (491), Kelantan (471), Negeri Sembilan (464), Melaka (457), Perak (321), Terengganu (213), Putrajaya (61), Sarawak (58), Perlis (44) dan Labuan (23).

Mengenai kadar kebolehanjkitan (Rt) negara, Dr Noor Hisham berkata ia berada pada paras 1.2 dengan Perlis merekodkan nilai tertinggi iaitu 1.49 diikuti Sabah (1.41), Putrajaya (1.29), Kedah (1.22) manakala Pulau Pinang dan Sarawak merekodkan 1.17, setakat Sabtu.



NOOR HISHAM

Beliau berkata dengan Ro/Rt 1.2 ketika ini, Malaysia dijangka mencapai 22,000 kes Covid-19 menjelang akhir Mac ini, justeru menjadi tanggungjawab semua orang untuk mematuhi garis panduan kesihatan awam dan sosial.

Ujarnya, meningkatkan liputan vaksinasi dan suntikan dos penggalak juga boleh mengurangkan penularan serta menurunkan Ro/Rt kepada kurang daripada 1.

"Kita masih berdepan cabaran. Tanggungjawab kini ada pada kita untuk bersama-sama menghadapi lonjakan kes namun yang lebih penting kita perlu menjangkakan jumlah kes lebih tinggi dengan tahap keterukan yang rendah, kurang kemasukan ke hospital dan kurang kematian," katanya.

Setakat Sabtu, seramai 12,307,360 individu atau 52.6 peratus daripada populasi dewasa di negara ini telah menerima dos penggalak Covid-19. Sementara itu, seramai 22,929,020 individu atau 97.9 peratus dewasa telah melengkapkan vaksinasi mereka. *Bernama*

Kes harian dijangka cecah 15,000

KUALA LUMPUR - Malaysia kini sudah sepenuhnya berdepan dengan gelombang varian Omicron, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Menerusi satu hantaran di Twitter rasminya, beliau berkata kes harian Covid-19 dijangka akan mencecah 15,000 tidak lama lagi.



KHAIRY JAMALUDDIN

"Masih satu juta warga emas di negara belum menerima dos penggalak (vaksin Covid-19). Tolong maklum kepada orang-orang tua kesayangan anda untuk mendapat dos penggalak dengan segera," menurut hantaran itu pada Ahad.

Beliau berkata demikian sebagai maklum balas perkongsian Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah di akaun Twitternya mengenai imej Berisiko-Terdedah-Berjangkit-Diasingkan (SEIR) kes harian Covid-19 dan unjuran kes dari 31 Ogos 2021 hingga 31 Mac ini.

Sementara itu, dalam hantaran berasingan, Khairy turut menyeru orang ramai untuk mengambil dos penggalak dan menekankan tujuan utama vaksin Covid-19 adalah bagi mengurangkan keseriusan gejala.

"Dengan dos penggalak perlindungan anda daripada gejala serius yang boleh menyebabkan kemasukan ke hospital/ICU (unit rawatan rapi) lebih baik. Dapatkan suntikan dos penggalak," katanya. *Bernama*

Omicron dominan di Sarawak

KUCHING - Omicron kini menggantikan Delta sebagai varian yang dominan dalam penularan Covid-19 di Sarawak.

Perkara itu didedahkan oleh Pengarah Institut Kemahiran dan Perubatan Universiti Malaysia Sarawak, Dr David Perera dalam laporan terbaharunya kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas pada Ahad.

Beliau berkata, kadar pengesanan kes positif varian Omicron daripada data pemerhatian yang dilakukan dari 3 hingga 26 Januari tahun ini telah didapati mencapai 78 peratus.

"Sebanyak 58 sampel telah diproses sepanjang tempoh itu dan daripada jumlah tersebut, 45 varian Omicron dan 13 varian Delta dikesan.

"Pengesanan pada kadar 78 peratus mencadangkan bahawa Omicron telah menggantikan Delta sebagai varian yang dominan di Sarawak," katanya sambil menambah kes Omicron terbabit telah dikesan daripada sampel yang diambil dari Kuching, Samarahan, Sibu, Kapit, Mukah dan Miri.

Dr David berkata majoriti sampel yang dikaji adalah daripada BA.1.1 namun tiga kes terdiri daripada BA.2 yang lebih mudah berjangkit telah dikesan di Kapit dan kebanyakannya berlaku menerusi penularan komuniti.

Susulan peningkatan kes dalam negara, ahli Kumpulan Penasihat Vaksin Covid-19 Sarawak itu turut menasihati individu yang belum mendapatkan dos penggalak agar segera berbuat demikian.

Beliau berkata, kajian menunjukkan bahawa suntikan dos penggalak diperlukan bagi meningkatkan tahap peneutralan antibodi yang menurun bagi melindungi diri daripada jangkitan Omicron. *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kenduri lonjak kes Covid-19 di Kelantan

Berkumpul beramai-ramai abai SOP antara sebab pertambahan kes positif

Oleh HAZEL LANA KAMARUDIN

KOTA BHARU

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mendedahkan kenduri dan pergerakan keluar masuk sepanjang cuti umum sempena Tahun Baharu Cina menyumbang kepada lonjakan kes positif Covid-19 di negeri ini.

Pengarah JKNK, Datuk Dr Zaini Husin berkata, aktiviti berkumpul se-

cara beramai-ramai tanpa mengikut prosedur operasi standard (SOP) turut menjadi punca jumlah pertambahan kes positif.

"Bagaimanapun majoriti kes tersebut melibatkan kategori satu dan dua sahaja," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Menurutnya, kes-kes pesakit tersebut sedang menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) atau rumah masing-masing.

Beliau berkata, melihat kepada pertambahan kes itu, PKRC di negeri ini masih mampu menampung pesakit.



DR ZAINI

Dr Zaini berkata, JKNK kini berada dalam keadaan siap sedia untuk mengaktifkan lebih banyak PKRC sekiranya diperlukan untuk berbunt demikian.

"Nasihat saya kekal patuh kepada SOP supaya rantaian Covid-19 dapat diputuskan dengan sebaik mungkin.

"Terus memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal dan sebagainya seperti arahan kerajaan," katanya.

Pada Sabtu, sebanyak 637 kes positif Covid-19 telah direkodkan di negeri ini.

Pertambahan itu menyaksikan Kelantan mencapai 75 peratus peningkatan kes dalam tempoh 14 hari.

Kerajaan perlu beri penjelasan isu Covid-19

GEORGETOWN - Kerajaan perlu memberi penjelasan secara terbuka kepada rakyat berhubung pendekatan diambil dalam menangani wabak Covid-19 yang melanda negara sejak dua tahun lalu.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, selain krisis kesihatan, negara juga berhadapan dengan banyak krisis susulan penularan wabak tersebut.

Beliau berkata, negara sudah membelanjakan RM5 bilion untuk menangani Covid-19 termasuk pembelian vaksin dan sebagainya.

"Saya bimbang dan khuatir dengan keadaan negara kita sekarang ini kerana menghadapi banyak krisis antaranya krisis kepimpinan, kesihatan, kewangan dan sebagainya.

"Dari segi kesihatan, isu Covid-19 belum selesai sedangkan kita sudah berbelanja banyak untuk membeli vaksin.

"Walaupun wang keluar sudah banyak, namun jumlah yang dijangkiti masih lagi meningkat contohnya seperti semalam (Sabtu)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Forum Perpaduan 2022 di Universiti Sains Malaysia (USM) pada Ahad.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan perlu telus dalam memberi penjelasan berhubung perkara tersebut kerana rakyat masih tertanya-tanya mengenainya.

"Pada Sabtu, kes mencecah 9,000 lebih, itu bukan (angka) yang sedikit.

Sampai bila kita nak belanja sedangkan di sesetengah negara yang kita tahu, sudah melonggarkan segala peraturan yang ketat namun Malaysia masih sama.

"Mengapa begitu? Kita sudah ada dos penggalak tetapi (kes) tak reda-reda juga. Jadi banyak persoalan di minda rakyat kerana keadaan semakin melampau. Nak potong rambut pun tak boleh jika tak divaksin, semuanya menjadi susah.

"Ini bukan soal antivaksin tetapi sudah divaksin pun masih dijangkiti juga. Jadi yang mana satu betul, ini yang rakyat persoalkan. Sehingga ke hari ini, kerajaan belum beri penjelasan secara terbuka dan ikhlas kepada mereka yang menyyoal tindakan-tindakan kerajaan ini," ujarnya.

Vaksinasi kanak-kanak di Pulau Pinang bermula hari ini

GEORGETOWN-

Proses vaksinasi bagi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Pulau Pinang akan bermula pada Isnin di dua pusat pemberian vaksin (PPV) yang disediakan.

Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan, Dr Norlela Ariffin berkata, vaksinasi itu untuk mereka yang mempunyai komorbid atau tergolong dalam kalangan yang berisiko tinggi.

Katanya, pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kanak-kanak (PICKids) itu merupakan yang pertama melibatkan kanak-kanak di negeri ini.

"Vaksinasi untuk kanak-kanak berusia lingkungan lima hingga 11 tahun di Pulau Pinang akan bermula esok. Ia hanya untuk mereka yang mempunyai beberapa penyakit (komorbid) atau berisiko tinggi.

"Dua buah PPV sahaja dibuka untuk proses vaksinasi bagi golongan ini iaitu di Hospital Pulau Pinang (HPP) dan Hospital Seberang Jaya (HSJ). Hospital-hospital lain tidak terlibat," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Tambahnya, untuk kanak-kanak yang tiada penyakit, mereka akan disuntik sama ada di Klinik Kesihatan atau di sekolah.

"Sementara itu, populasi kanak-kanak dalam kalangan usia berkenaan di negeri ini adalah berjumlah 160,000 orang," katanya.

Sementara itu, Norlela berkata, dua lagi kluster pendidikan dilaporkan di Pulau Pinang sehingga Sabtu menjadikan jumlah keseluruhan 12 kluster aktif ketika ini.

"Dua kluster baharu itu adalah Bandar Putra Bertam iaitu Madrasah Al-Aminiah Bertam Tahfiz Vokasional di Seberang Perai Utara dan kluster Jalan Bukit Minyak Dua iaitu Kolej Vokasional Seberang Perai di Seberang Perai Tengah.

"Mengenai taburan kes Covid-19 melibatkan pendidikan, sebanyak 60 buah sekolah rendah dan menengah dengan 12 kluster direkodkan setakat ini," katanya.



NORLELA

Tiada kluster pendidikan di Perak

BATU GAJAH - Perak masih belum mengesan sebarang penularan wabak Covid-19 melibatkan kluster pendidikan.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia Perak, Ahmad Saidi Mohamad Daud berkata, biarpun terdapat kes positif melibatkan pelajar tetapi ia berlaku di luar sekolah.

Katanya, keadaan itu berlaku disebabkan semua institusi pendidikan di negeri ini khususnya sekolah harian amat menitikberatkan prosedur operasi standard (SOP) pelajar ke sekolah bagi membendung virus tersebut.

"Daripada laporan yang diterima melalui Kementerian Pendidikan bagi

sekolah-sekolah di Perak, buat masa ini tiada laporan berkaitan kluster.

"Bagi pelajar sekolah harian pula, kita berterima kasih kepada semua warga pendidik, cikgu-cikgu yang memainkan peranan sangat penting dan efektif dengan mengambil langkah sepatutnya dengan menegakkan prosedur SOP ke sekolah sama ada pada awal pagi atau sesi petang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri program Rewang Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Perak di Institut GPMS Perak pada Ahad.

Hadir sama, Presiden GPMS, Mohd Alif Anas Md Noor; Presiden Majlis

Belia Negeri Perak, Muhammad Puhaz Saleh dan Pengerusi GPMS Perak, Mohamad Faizal Haramaini.

Ahmad Saidi berkata, setiap pelajar akan dipastikan benar-benar sihat sebelum memasuki kelas dan jika terdapat sebarang simptom, pihak sekolah akan memanggil ibu bapa atau penjaga untuk membawa pulang anak mereka bagi pemeriksaan lanjut.

Dalam laporan media pada 31 Januari lalu, kluster pendidikan terus mendominasi penularan Covid-19 di negara ini melibatkan negeri Melaka, Kedah dan Negeri Sembilan.



Ahmad Saidi (tengah) menerima cenderahati daripada Mohamad Faizal ketika hadir ke program Rewang GPMS Perak di Institut GPMS Perak, pada Ahad.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : CETUSAN

Biarlah WHO yang isytihar endemik



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW

PERSPEKTIF

Adalah lebih baik sekiranya kita membenarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melakukan proses pengisytiharan penukaran status Covid-19 daripada pandemik pada ketika ini kepada endemik. Sekiranya kita membenarkan kerajaan dari sesebuah negara melakukan proses penukaran status Covid-19 berkenaan, dibimbangi boleh menyebabkan dunia menjadi kelam kabut, sekali gus mengundang kekeliruan dalam kalangan orang ramai.

Sejak kebelakangan ini terdapat beberapa buah kerajaan dunia termasuk Malaysia yang ingin melaksanakan proses penukaran status Covid-19 daripada pandemik kepada endemik. Endemik merujuk kepada wabak atau penyakit yang sentiasa wujud di sesuatu kawasan atau daerah tertentu. Ini termasuk penularan wabak atau penyakit dalam skop lebih besar seperti melibatkan sebuah negara. Penyakit malaria yang menyerang kawasan-kawasan di benua

Afrika, satu ketika dulu adalah antara endemik yang mengancam dunia.

Istilah pandemik pula merujuk kepada wabak atau penyakit yang menyerang dalam skop lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata. Wabak atau penyakit ini akan mengancam kawasan lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua atau mungkin seluruh dunia jika dibiarkan melarat.

Dengan mengisytiharkan sesuatu jenis wabak atau penyakit sebagai endemik, sesebuah kerajaan tidak perlu lagi mengambil langkah-langkah besar bagi mengawal penularan wabak dan penyakit terbahit seperti yang dilakukan dalam situasi pandemik seperti kawalan pergerakan, pelaksanaan kerja dari rumah, proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, tidak memberi kebebasan sepenuhnya kepada orang ramai untuk melakukan rentas negara dan lain-lain.

Setelah sesuatu wabak atau penyakit telah ditukar statusnya kepada endemik, pihak kerajaan dilihat seolah-olah telah mengaku kalah dalam usahanya untuk mengawal penularan sesuatu jenis wabak dalam negara mereka. Pihak kerajaan akan meminta rakyat mereka untuk hidup bersama wabak atau penyakit ini untuk selama-lamanya dan akan hanya

akan meminta rakyat untuk menjaga diri mereka sendiri dan mendapatkan bantuan perubatan sendiri sekiranya mereka dijangkiti dengan wabak berkenaan.

Sekiranya kerajaan sesebuah negara mengambil langkah sendiri dengan menukar status penularan virus Covid-19 ini sebagai endemik, dibimbangi ia boleh menggugat hubungan negara mereka dengan negara lain yang tidak mengambil langkah sama. Bayangkan sekiranya Malaysia isytihar Covid-19 sebagai endemik, sementara banyak negara dalam dunia masih isytihar Covid-19 sebagai pandemik, bagaimana negara terbahit hendak membenarkan rakyat kita bergerak ke negara mereka kelak? Kerajaan di negara lain juga mungkin akan mengenakan pelbagai larangan untuk membenarkan rakyat negara mereka untuk datang ke negara kita atau mana-mana negara yang telah menukar status Covid-19 sebagai endemik secara sendirian.

Penukaran status Covid-19 sebagai endemik secara sendirian ini juga mungkin akan menyebabkan kekeliruan berlaku dalam kalangan orang ramai khususnya terhadap tahap jangkitan dan bahaya virus Covid-19 berkenaan di mana jumlah jangkitan dan kematian akibat Covid-19 masih dilaporkan berlaku dalam negara kita dan di serata

dunia. Ini ditambah lagi dengan kemunculan pelbagai jenis mutasi daripada Covid-19 yang lebih mudah menjangkiti orang lain.

Cara terbaik untuk menilai semula status Covid-19 adalah dengan membenarkan WHO untuk melakukan proses penukaran status Covid-19 ini. Sebagai sebuah agensi kesihatan antarabangsa yang paling lama berfungsi dan utama dalam dunia, sebarang keputusan yang diambil WHO akan lebih didengari dan dihormati oleh semua pihak.

